

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL  
RAHIM [BALING]  
TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap keberkesanan dalam penguatkuasaan kawasan larangan merokok dan adakah wujud perancangan untuk memperluas zon larangan merokok dalam masa terdekat.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Tembakau dan produk tembakau merupakan komoditi sah yang didagangkan namun ia terbukti secara saintifik **membunuh separuh daripada penggunaanya**. Oleh itu penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah dikawal di bawah konvensyen antarabangsa iaitu *Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* di mana Malaysia merupakan ahli parti kepada konvensyen ini semenjak 2005.

Pada 23hb September 2004, Pewartaan Kawasan Larangan Merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) telah mula berkuatkuasa. Manakala, kawasan larangan merokok diperluas ke semua tempat makan dikuatkuasa mulai 1hb Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018. Peraturan ini bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok dan membudayakan amalan tidak merokok kawasan tumpuan orang awam.

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan “*soft approach*” (dengan izin), dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga bulan Jun 2019 bagi memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang. Sebagai permulaan kepada pindaan pewartaan ini, semua negeri telah melaksanakan penguatkuasaan pendidikan yang merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui edaran risalah, makluman secara individu serta makluman di media massa dan media sosial. Selain daripada edaran risalah dan makluman individu, mereka yang masih merokok di tempat larangan akan diberikan amaran secara bertulis.

Aktiviti Penguatkuasaan Pendidikan juga merangkumi aktiviti memperingatkan Tuan Punya Premis akan bertanggungjawab mereka untuk meletakkan tanda larangan merokok dan memastikan tiada orang merokok sebagaimana Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehingga kini sebanyak 22,047 amaran bertulis telah dikeluarkan di mana 20,351 adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan 1696 amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Mulai Julai 2019, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan oleh 5008 pegawai kesihatan persekitaran di seluruh negara.

**Yang di-Pertua,**

Sokongan serta maklumbalas positif akan pelaksanaan ini dapat dilihat di mana seramai 151,000 rakyat Malaysia telah menandatangani petisyen untuk terus komited menyokong pelaksanaan ini manakala lebih 30 badan-badan professional kesihatan dan badan-badan bukan Kerajaan akan terus membantu menyokong pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan larangan ini.

KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.